

## ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan untuk menghurai dan mencirikan kegunaan tumbuhan yang ditanam atau dijaga di perkarangan rumah di Semenanjung Malaysia. Ia dilakukan melalui pemerhatian perkarangan rumah dan temu-bual berstruktur dengan pemilik di 94 buah kampung di Semenanjung Malaysia dari Jun hingga Disember 2008. Sebanyak 120 spesies tumbuhan telah ditemui dan tumbuhan makanan seperti *Cocus nucifera* L., *Nephelium lappaceum* L., *Musa paradisiacal* L., *Durio zibethinus* Murr and *Mangifera indica* L adalah paling banyak dijumpai di perkarangan rumah. Kebanyakan tumbuhan yang dikenalpasti adalah tumbuhan makanan (51.3%). Ini diikuti oleh tumbuhan ubatan (17.1%), tumbuhan hiasan (11.7%), tumbuhan kegunaan pelbagai (9.9%), rempah dan perasa (7.2%), kraftangan (1.8%) dan pewarna (0.9%). Famili tumbuhan yang kerap dijumpai berdasarkan bilangan species adalah Fabaceae. Ini diikuti oleh Zingberaceae, Sapindaceae dan Malvaceae. *Market-based technique*, *substitute good technique* dan *contingent valuation* adalah kaedah yang sesuai digunakan untuk menilai kebanyakan spesies tumbuhan yang dijumpai.